

**Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) Secara  
Penyebatian Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Guru Pelatih  
Maktab Perguruan Batu Lintang Semasa Praktikum II**

**1998**

**Maktab Perguruan Batu Lintang**

**Asmah @ Rajemah bt. Othman, Abdul Malek Mohd. Tahir, Sufiah  
Suut**

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sama ada pelatih Semester 5 menunjukkan peningkatan pengetahuan, kefahaman, sikap dan kemahiran terhadap penggunaan KBKK secara penyebatian dalam p-p mereka semasa menjalani Praktikum 2. Di samping itu, kajian ini juga ingin meninjau masalah-masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakannya di bilik darjah. Dalam kajian diperoleh dengan menggunakan soalselidik, temubual, pemerhatian dan penelitian buku persediaan mengajar. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan dalam kefahaman dan kemahiran responden menyebatkan KBKK dalam pengajaran mereka. Kebanyakan mereka telah menulis objektif KBKK secara khusus dan ada juga yang telah memasukkan unsur KBKK dalam objektif am. Majoriti daripada responden yang ditemubual mengakui creamah/demonstrasi KBKK dalam slot Latihan Praktikum sangat berkesan dan membantu dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka mengajar KBKK secara penyebatian. Antara kemahiran KBKK yang digunakan dalam pengajaran-pembelajaran mereka ialah membuat ramalan, mentafsir, membuat inferen, menjana ide, mengkelas, membanding-beza, membuat urutan, memyusun atur, cuba jaya, menyenaraikan, menerang sebab dan menghubungkan kait. Terdapat juga penggunaan rangsangan dan alat-alat pengurusan berfikir seperti pengurusan lisan, grafik, gambarajah, dan soalan-soalan serta terdapat aplikasi dan unsur metakognisi di dalam pengajaran mereka. Keseluruhannya, kebanyakan responden menyatakan mereka tidak menghadapi masalah dari segi pelaksanaan. Walau bagaimanapun, masalah yang ditimbul adalah berhubung dengan masalah murid-murid yang lemah, guru pembimbing yang tidak mendapat pendedahan serta masalah kekurangan bahan terutamanya di kawasan luar bandar.

**Tujuan:**

1. 1. Meninjau pengetahuan dan kefahaman guru pelatih Semester 5 terhadap KBKK secara penyebatian dalam pengajaran dan pembelajaran mereka semasa menjalani Praktikum II.

2. 2. Meneliti masalah-masalah pelaksanaan yang dihadapi oleh guru pelatih dalam melaksanakan strategi penyebatian dalam proses P & P mereka di bilik darjah.
3. 3. Meninjau sama ada responden menunjukkan peningkatan pengetahuan, kefahaman, sikap dan kemahiran tentang KBKK dan penggunaannya secara penyebatian dalam P & P semasa menjalani Praktikum II.

### **Metodologi (Sampel):**

Guru Pelatih Semester 5 yang menjalani Praktikum II (Kajian ini adalah lanjutan kepada kajian yang dijalankan ke atas guru pelatih yang sama semasa mereka menjalani Praktikum I).

### **Metodologi (Instrumen & Pentadbiran Kajian):**

1. 1. Soalselidik
2. 2. Pemerhatian ke atas pengajaran
3. 3. Temubual ke atas 15 orang guru pelatih
4. 4. Penelitian Buku Persediaan Mengajar Harian

### **Dapatan Kajian:**

1. 1. Pendedahan guru pelatih Semester 5 dengan KBKK adalah melalui tutorial, ceramah praktikum disamping pengajaran secara khusus di bilik kuliah.
2. 2. Hampir semua responden faham apa yang dimaksudkan dengan KBKK, sebahagian daripada mereka melihatnya sebagai satu proses pemikiran.
3. 3. Majoriti responden (75%) mengaku ada menyebatkan KBKK dalam P & P mereka.
4. 4. Majoriti responden yang menyebatkan KBKK dalam pengajaran menegaskan bahawa sambutan murid-murid dengan KBKK begitu menggalakkan dan murid-murid nampak seronok.
5. 5. Responden yakin mengajar KBKK
6. 6. Responden yang ditemubual berpendapat bahawa program KBKK di maktab adalah sesuai dan berkesan.
7. 7. Majoriti responden (9/15) berpendapat KBKK secara penyebatian adalah baik diteruskan untuk melahirkan pelajar yang kritis dan kreatif.
8. 8. Kebanyakan responden menunjukkan peningkatan kefahaman mengenai konsep KBKK dan kebolehan menyebatkan KBKK (perbandingan semasa Praktikum I dan Praktikum II).

### **Cadangan:**

1. 1. Pendedahan KBKK yang paling berkesan ialah melalui sesi ceramah atau demonstrasi pengajaran KBKK secara penyebatian dalam slot Latihan Praktikum sebelum pelatih keluar menjalani praktikum II di sekolah-sekolah.
2. 2. Pendedahan yang pelbagai yang diterima oleh responden juga telah menyumbang kepada kefahaman yang jelas tentang konsep dan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan KBKK secara penyebatian

dalam pengajaran mereka. Ini menambahkan keyakinan mereka yang seterusnya membolehkan pengajaran mereka lebih menyeronokan.

3. 3. Majoriti responden menulis objekt KBKK secara eksplisit dalam buku persediaan mengajar.
4. 4. Pemerhatian pengajaran pembelajaran menunjukkan responden banyak menggunakan KBKK seperti yang dapat dilihat pada bahan rangsangan, aktiviti pengajaran dan kemahiran-kemahiran yang dipilih.